

UNDANG-UNDANG KAWALAN PENJUALAN ARAK OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN: KAJIAN KHUSUS DI NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

Jasri Jamal
jasri@ukm.my

Noryati Anuar
mulderyati@yahoo.com

Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan menganalisis sejauh manakah keberkesanan kuasa dan peranan pihak berkuasa tempatan dalam membataskan penjualan arak membabitkan orang Islam di Selangor dan cabaran serta halangan yang dihadapi oleh pihak berkuasa tempatan di Selangor dalam melaksanakan kawalan penjualan arak. Untuk tujuan ini, data dan maklumat berdasarkan maklum balas daripada 12 pihak berkuasa tempatan di seluruh Selangor melibatkan jabatan yang mengeluarkan lesen dan melaksanakan penguatkuasaan pembatasan penjualan arak kepada orang Islam telah dikumpul. Hasil kajian mendapati semua pihak berkuasa tempatan di Selangor mengawal penjualan arak kepada orang Islam dengan mengenakan syarat tambahan semasa meluluskan lesen premis menjual arak dan juga melalui sistem kawal selia sendiri yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Pada masa yang sama, pihak berkuasa tempatan turut menghadapi pelbagai kekangan semasa melaksanakan undang-undang kawalan penjualan arak khususnya dari aspek konflik perundungan dan halangan penguatkuasaan. Oleh yang demikian, beberapa syor serta cadangan penambahbaikan dilihat amat perlu bagi merealisasikan undang-undang yang berkesan dalam mengehadkan penjualan arak membabitkan orang Islam di Selangor.

Kata kunci: undang-undang jenayah Islam, kawalan penjualan arak, pihak berkuasa tempatan, kawal selia sendiri

Abstract

Prohibition of alcoholic drinks to Muslims, whether the act of drinking or involvement with any activities related to alcoholic drinks is very clear according to Islamic law. The main purpose of this study was to analyze the role of the local authorities and effectiveness in limiting the sale of alcoholic drinks to Muslims in Selangor and the challenges or obstacles faced by the local authorities in Selangor to control the sale of alcoholic drinks. Data and information based on feedback from 12 local authorities in Selangor were collected from the licensing and enforcement department. The results showed that all local authorities in Selangor control the sale of alcoholic drinks to Muslims by imposing supplementary conditions in approving the licence of premises which sell alcoholic drinks and also through the self-regulatory system introduced by the Selangor State Government. At the same time, the local authorities also face many constraints in enforcing the laws that control the sale of alcoholic drinks, particularly in terms of legal conflicts and enforcement barriers. Therefore, several recommendations and suggestions for improvement are deemed necessary for the realization of an effective law in limiting the sale of alcoholic drinks involving Muslims in Selangor.

Keywords: *Islamic Criminal Law, controlling the sale of liquor, Local Council, self-regulatory system*

PENGENALAN

Perbuatan meminum arak merupakan satu kesalahan jenayah di bawah kategori jenayah hudud berdasarkan peruntukan undang-undang jenayah Islam.¹ Pengharaman arak kepada orang Islam bukan setakat perbuatan meminumnya malah turut merangkumi sebarang aktiviti yang menggalakkan perbuatan meminum arak, seperti membuat, mengedar, menjual, menyimpan atau membeli arak. Hukuman yang diperuntukkan di bawah jenayah hudud bagi pemimin arak dalam kalangan orang Islam ialah sebatan.² Islam juga menjamin hak asasi orang bukan Islam dalam sesebuah negara Islam.³

- 1 Abd al-Qadir ‘Audah, al-Tasyri’i al-Jina’i al-Islami Muqararan bi al-Qanun al-Wadi’i, Juzuk 2, Muassah al-Risalah, Beirut, 1998, hlm. 492-98 dan Abdul Halim El-Muhammady, 1998, *Undang-Undang Jenayah Dalam Islam Dan Enakmen Negeri-Negeri*. Wadah Niaga Sdn. Bhd. Bandar Baru Bangi.
- 2 Terdapat percanggahan pendapat antara fuqaha dalam menentukan bilangan sebatan yang seharusnya dikenakan kepada pemimin arak; 40 atau 80 sebatan. Rujuk Mohamed S. El-Awa, 1998, *Punishment in Islamic Law: A Comparative Study*. American Trust Publication, Indianapolis, hlm. 46-60 dan Paizah Haji Ismail, 1996, *Undang-Undang Jenayah Islam*. Dewan Pustaka Islam, Kuala Lumpur hlm. 204-06.
- 3 Abdur Rahman I. Doi, *Non-Muslims Under Shari’ah (Islamic Law)*. Kazi Publications, Lahore, 1981.

Bagi orang bukan Islam, tiada larangan untuk mereka meminum arak atau terlibat dengan aktiviti berkaitan arak selagi mereka tidak mabuk dan membahayakan keselamatan serta ketenteraman awam. Mereka berhak melaksanakan undang-undang peribadi mereka sendiri termasuk berkaitan dengan pengambilan dan penjualan arak. Walau bagaimanapun, kelonggaran yang diberikan kepada orang bukan Islam berkenaan arak hendaklah tertakluk pada tatacara, sekatan dan hukum Islam.⁴

Malaysia negara yang berbilang bangsa dan agama tetapi majoriti penduduknya berbangsa Melayu dan beragama Islam.⁵ Dalam konteks Malaysia, kebebasan asasi masyarakatnya, seperti kebebasan diri, kebebasan beragama, dan hak terhadap harta terjamin di bawah Perlembagaan Persekutuan.⁶ Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di Malaysia.⁷ Oleh yang demikian, walaupun meminum arak dan aktiviti yang mengundang kegiatan meminum arak merupakan suatu kesalahan jenayah menurut perundangan syariah bagi orang Islam di Malaysia, tetapi undang-undang di Malaysia, sama ada sivil maupun syariah tidak melarang perbuatan meminum, membuat, menjual, menyimpan atau membeli arak dalam kalangan bukan Islam tertakluk pada undang-undang yang mengawal aktiviti tersebut.

Penjualan arak di Malaysia dikawal oleh beberapa peruntukan undang-undang sedia ada yang dikuatkuaskan oleh beberapa agensi kerajaan berkaitan. Walaupun terdapat undang-undang yang mengawal dan menyekat penjualan arak di Malaysia, minuman tersebut masih boleh dibeli oleh orang Islam kerana mudah diperoleh di merata-rata tempat di Malaysia terutamanya di kedai serbaneka yang dibuka 24 jam. Penglibatan remaja Islam di Malaysia dalam perbuatan meminum arak, walaupun belum sampai ke tahap ketagihan melampau, perlu dipandang serius dan dibendung lebih awal kerana kesan pengambilan arak tidak jauh bezanya dengan penyalahgunaan dadah.⁸ Yang lebih mengejutkan, sebuah akhbar tempatan melaporkan

- 4 Majid Abu Rukhaih, 2001. *al-Wajiz fi Ahkam al-Hudud wa al-Qisas*. Maktabah al-Aqsa, Amman, 2001, hlm. 80 dan Muhammad 'Ata Alsid Sidahmad, 1995. *Islamic Criminal Law: The Hudud*. Malaysia, hlm. 696-722.
- 5 Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 (Banci 2010), Jabatan Perangkaan Malaysia. 20 Jun 2012. http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=a rticle&id=1215%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010-updated-2972011&catid=130%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010&lang=bn. (aAlam talian 1 Mei 2012)
- 6 Bahagian II, Perkara 5 – 13, Perlembagaan Persekutuan.
- 7 Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan.
- 8 Khaidzir Ismail, Remaja dan alkohol, Utusan Malaysia, 24 Februari 2011. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0224&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm (Dalam talian 20 Jun 2012)

bahawa Malaysia disenaraikan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai pengguna alkohol ke-10 terbesar di dunia walaupun populasi dan saiz penggunanya kecil.⁹

Menyedari kesan arak kepada masyarakat Islam, khususnya di Selangor, dan bagi membendung masalah alkoholisme dalam kalangan generasi muda, mantan Exco Agama, iaitu YB. Dato' Dr. Hasan Bin Mohamed Ali pada Oktober 2008 yang lalu, telah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk memperkenalkan peraturan yang membataskan penjualan arak di kawasan majoriti penduduknya beragama Islam. Beliau juga yang pada ketika itu Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor menjelaskan bahawa cadangan memperketat penjualan minuman beralkohol tersebut hanya melibatkan minuman yang mengandungi paras alkohol di bawah lima hingga lapan peratus yang dijual secara meluas di kedai serbaneka 24 jam, stesen minyak, pasar mini dan pasar raya.¹⁰ Cadangan ini telah mengundang pelbagai reaksi dan kontroversi. Ada pihak yang menyokong dan ada pihak yang mengkritik hebat cadangan tersebut.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor telah menangguhkan cadangan membataskan jualan minuman beralkohol ini untuk diteliti dan bagi mendapatkan pandangan daripada pekedai dan peniaga.¹¹ Sebagai alternatif dan jalan penyelesaian kepada cadangan memperkenalkan peraturan membataskan penjualan arak membabitkan orang Islam yang dikemukakan oleh mantan Exco Agama, Kerajaan Negeri Selangor akhirnya telah memutuskan untuk melaksanakan sistem kawalan sendiri (*self regulation*) terhadap semua kedai serbaneka dan premis yang menjual minuman beralkohol. Percubaan melaksanakan sistem kawalan sendiri ini dimulakan di kawasan Shah Alam dan sekiranya berjaya, akan diselaraskan di seluruh negeri Selangor.¹²

Berbangkit daripada cadangan mengetatkan penjualan arak kepada orang Islam dan sistem kawalan sendiri yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, timbul beberapa persoalan berhubung tindakan yang telah dilaksanakan dalam membataskan penjualan arak kepada masyarakat Islam. Apakah kategori arak yang dijual dan yang dilesenkan? Apakah penyelesaian bagi kerjaya berkaitan arak, misalnya pekerja Islam di kilang membuat arak,

9 The Star, Malaysia ranked world's 10th largest consumer of alcohol, 23 May 2011. <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2011/5/23/nation/8737875&sec=nation> (Capaian 15 Jun 2012)

10 Jimadie Shah Othman, PAS: Selangor hanya tunda cadangan ketatkan jualan arak, Malaysiakini, 5 Disember 2008. <http://www.malaysiakini.com/news/94430>. (Capaian 3 Jun 2012)

11 Jimadie Shah Othman, PAS: Selangor hanya tunda cadangan ketatkan jualan arak, Malaysiakini, 5 Disember 2008. <http://www.malaysiakini.com/news/94430>. (Capaian 10 Jun 2012)

12 Azian Aziz, Selangor laksana sistem kawalan sendiri jual arak, Utusan Malaysia, 7 Ogos 2009. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0807&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_09.htm. (Capaian 30 Mei 2012)

di pusat hiburan dan hotel yang menjual dan menghidangkan arak, di pasar raya dan kedai serbaneka yang menjual produk arak dan lain-lain kerjaya yang melibatkan arak? Sejauh manakah keberkesanan kuasa dan peranan pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor dalam mengawal aktiviti penjualan arak? Apakah cabaran dan halangan yang dihadapi oleh PBT di Selangor dalam melaksanakan tindakan kawalan ke atas penjualan arak?

PENGHARAMAN ARAK DALAM ISLAM

Menurut pandangan Islam, arak ialah ibu segala kejahatan. Larangan meminum arak dalam Islam bertujuan menjaga keperibadian manusia daripada perkara yang merosakkan dan merendahkan martabat ummah.¹³ Dalam Islam, arak adalah haram sama sekali, namun kaedah pengharamannya dalam al-Quran dilaksanakan secara beransur-ansur (*tadarruj*) melalui empat ayat. Ayat al-Quran yang diturunkan pada peringkat awal berkaitan arak terdapat dalam surah al-Nahl, ayat 67 yang berbunyi:

“Dan daripada buah tamar dan anggur, kamu jadikan daripadanya minuman haram dan rezeki yang baik, sesungguhnya pada yang demikian itu ada satu tanda bagi orang yang mahu menggunakan akalnya.”

Ayat ini diturunkan di Mekah dan pada ketika itu arak belum diharamkan dan masih boleh diminum.¹⁴

Seterusnya, al-Quran menjelaskan perbezaan antara kebaikan dengan keburukan arak dalam surah al-Baqarah, ayat 219 :

“Mereka bertanya kepadamu mengenai arak dan judi. Katakanlah pada kedua-duanya ada dosa yang amat besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa kedua-duanya lebih besar daripada manfaatnya...”

Ayat ini diturunkan di Madinah dan menjelaskan bahawa keburukan arak lebih banyak daripada kebaikannya. Menurut hukum syarak, apabila sesuatu kemudaratan itu lebih banyak daripada kebaikannya, maka hukumnya haram. Ayat ini tidak mengharamkan arak, tetapi permulaan dalam tahap-

13 Al-Mawardi, 2000. *The Ordinance of Governance*. Diterjemahkan oleh Wafaa H. Wahba. UK: Garnet Publishing, hlm. 247-50.

14 Abd al-Qadir ‘Audah, *al-Tasyri’ al-Jina’i al-Islami Muqaranan bi al-Qanun al-Wadi’i*, Juzuk 2, Muassah al-Risalah, Beirut, 1998, hlm. 492-98 dan lihat juga *Al-Taqwa, Isu dan Permasalahan Semasa: Arak Menurut Pandangan Islam*. Jabatan Mufti Negeri Selangor, Bil.(14) 3/2009, Disember 2009, hlm. 9. <http://www.muftiselangor.gov.my/E-Book/Download/KoleksiAt-Taqwa/At-Taqwa14%2032009/UTAMAATTAQWABIL1432009.pdf>

tahap pengharaman arak.¹⁵ Setelah itu, Allah telah menurunkan ayat yang mengharamkan pengambilan arak pada waktu tertentu, iaitu ketika hampir masuk waktu solat dalam Surah al-Nisa', ayat 43.

“Wahai orang yang beriman, janganlah kamu menghampiri solat sedang kamu dalam keadaan mabuk, sehingga kamu mengerti apa yang kamu ucapan (baca)...”

Kemudian diturunkan ayat yang mengharamkan arak kepada orang Islam secara tegas melalui surah Al-Maidah, ayat 90 berbunyi:

“Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, berhala dan bertengun nasib perbuatan keji dan termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan itu agar kamu mendapat kejayaan.”

Ayat ini memuktamadkan hukum minum arak secara mutlak, iaitu haram dan termasuk dalam dosa besar.¹⁶ Berdasarkan urutan ayat yang diturunkan, adalah jelas bahawa pada zaman Rasulullah larangan meminum arak kepada orang Islam tidak dilaksanakan secara sekali gus tetapi secara berperingkat-peringkat sesuai dengan tahap pembangunan ummah dan mengambil kira keadaan masyarakat pada ketika itu yang telah biasa meminum arak.¹⁷

Asas pengharaman arak dalam Islam juga berdasarkan beberapa hadis Rasulullah SAW, antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan At-Tirmizi:

“Diriwayatkan daripada Anas r.a bahawa Rasulullah SAW telah melaknat 10 golongan yang terlibat dengan arak; orang yang memerah arak, orang yang diminta arak diperah untuknya, orang yang meminumnya, orang yang membawanya, orang yang meminta dibawa arak kepadanya, orang yang memberi minum kepada orang lain, orang yang menjual arak, orang yang mendapat hasil daripada arak, orang yang membeli arak, orang yang meminta dibelikan arak untuknya.”¹⁸

Dalam satu hadis lain yang diriwayatkan oleh Ahmad, At-Tirmizi, An-Nasai dan Abu Daud:

15 Tahir Mahmood *et al*, 1996. *Criminal Law in Islam and the Muslim World*. Institute of Objective Studies. Delhi, hlm. 3-10 dan Paizah Haji Ismail, 1996. *Undang-Undang Jenayah Islam*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, hlm. 201.

16 Awarullah, 1997. *The Criminal Law of Islam*. A.S Noordeen, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 196.

17 Ibid

18 Mustafa al-Khin *et al*, 1989. *al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imam al-Syafie*. Jilid 8, Dar Damsyiq: al-Qalam, hlm. 71.

“Tiap-tiap suatu yang memabukkan dalam jumlah yang banyak atau sedikit maka hukumnya adalah haram.”

Daripada hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar bahawa Rasulullah bersabda yang menyatakan:

“Setiap yang memabukkan adalah arak, dan setiap arak adalah haram.”¹⁹

Fatwa Kebangsaan berdasarkan hasil perbincangan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-7 pada 11 hingga 12 April 1984 telah memutuskan bahawa:

Setiap minuman arak mengandungi alkohol. Bukan semua alkohol itu mengandungi arak. Alkohol daripada proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis, tetapi alkohol yang dibuat bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram diminum. Minuman ringan yang dibuat sama caranya dengan membuat arak sama ada mengandungi sedikit alkohol atau alkoholnya disulung adalah haram diminum.²⁰

Keputusan Fatwa Kebangsaan ini telah ditegaskan semula semasa Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang membincangkan isu alkohol dalam makanan, minuman, pewangi dan ubat-ubatan pada 14 hingga 16 Julai 2011.²¹

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN KAWALAN PENJUALAN ARAK

Penjualan arak di Malaysia dikawal oleh beberapa peruntukan undang-undang sedia ada dan penguatkuasaannya dipertanggungjawabkan kepada beberapa Agensi Kerajaan berkaitan pada peringkat persekutuan, negeri dan juga PBT. Pada peringkat persekutuan, penjualan arak dikawal oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di bawah Kementerian Kewangan dan undang-undang yang berkaitan dengan pelesenan jualan arak oleh JKDM ialah Akta Kastam 1967 (Akta 235) dan Akta Eksais 1976 (Akta 176) serta peraturan yang dibuat di bawahnya. Menurut Penolong Pengarah

19 Ahmad Fathi Bahnsi, 1962. *al-Jaraim fi al-Fiqh al-Islami*. Matbaah Saadah, Mesir, hlm. 178. Paizah Haji Ismail, 1996. *Undang-Undang Jenayah Islam*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam: hlm. 202.

20 E-Fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, Alkohol Menurut Pandangan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 20 Jun 2012. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/alkohol-menurut-pandangan-islam>. (Capaian 1 Jun 2012)

21 E-Fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi Dan Ubat-Ubatan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 20 Jun 2012. <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/alkohol-dalam-makanan-minuman-pewangi-dan-ubat-ubatan>(Capaian 2 Jun 2012)

Kanan Kastam, Bahagian Penguatkuasaan JKDM Putrajaya, arak salah satu komoditi yang dikenakan cukai yang tinggi oleh Kerajaan Malaysia selepas kereta dan rokok.²² Istilah arak yang diguna pakai di bawah Akta Kastam 1967 ialah “*liquor* yang memabukkan”. Berdasarkan seksyen 2(1) Akta Kastam 1967, takrif “*liquor* yang memabukkan” termasuklah apa-apa alkohol, atau apa-apa cecair yang mengandungi lebih daripada dua peratus spirit pruf (alkohol mutlak), yang sesuai atau bermaksud untuk, atau yang boleh dengan apa-apa cara diubah bagi digunakan sebagai suatu minuman.²³

Pengimportan *liquor* yang memabukkan dikawal oleh JKDM dan setiap pengimport perlu mendapatkan lesen untuk mengimport bahan tersebut ke Malaysia berdasarkan peraturan 18 Peraturan-Peraturan Kastam 1977.²⁴ Lesen pengilangan *liquor* yang memabukkan di dalam negara juga dikawal oleh JKDM menurut Akta Eksais 1976.²⁵ Kehendak pelesenan yang ditetapkan oleh JKDM untuk penjualan *liquor* yang memabukkan secara runcit tertakluk di bawah seksyen 32 Akta Eksais 1976. Walau bagaimanapun, seksyen ini memberikan pengecualian lesen jualan runcit minuman beralkohol seperti bir, todi atau *liquor* natif. Penjualan runcit kecil-kecilan bagi arak jenis ini tidak melebihi kuantiti yang ditetapkan dibolehkan di kedai tanpa keperluan pelesenan di bawah Akta ini. Seksyen ini juga turut memberikan kuasa mutlak kepada Menteri (Kewangan) untuk membenarkan sesiapa sahaja menjual apa-apa *liquor* yang memabukkan secara runcit.²⁶ Lesen penjualan *liquor* memabukkan secara borong berdasarkan seksyen 33 Akta Eksais 1976.

Pihak yang bertanggungjawab melesenkan penjualan *liquor* yang memabukkan ialah Lembaga Pelesenan Daerah yang dilantik di bawah seksyen 31 Akta Eksais 1976²⁷ dan perjalanan urusan Lembaga Pelesenan Daerah tersebut dan fi bagi lesen menjual *liquor* yang memabukkan sebagaimana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Eksais (Lembaga Pelesenan) 1977.²⁸ Kuasa mengenakan duti eksais terhadap barang tertentu termasuk penjualan *liquor* yang memabukkan dinyatakan dalam seksyen 6 Akta Eksais 1976. Peraturan-Peraturan Eksais (Penjualan *Liquor* yang Memabukkan) 1977 pula mengehadkan jualan *liquor* yang memabukkan secara borong dan runcit dari pukul 9.00 malam hingga pukul 7.00 pagi dan larangan membekal atau menjual *liquor* yang memabukkan kepada orang yang berumur bawah 18

22 Habsah Binti Harun, Arak & Pencegahannya: Pengalaman Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kertas Kerja Persidangan Meja Bulat Arak & Pencegahannya: Pengalaman Agensi-Agenzi Berkaitan, 24 Februari 2011, Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur.

23 Seksyen 2(1), Akta Kastam 1967 (Akta 235).

24 Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kastam 1977.

25 Seksyen 20, Akta Eksais 1976 (Akta 176).

26 Seksyen 32, Akta Eksais 1976 (Akta 176).

27 Seksyen 31, Akta Eksais 1976 (Akta 176).

28 Peraturan 19, Peraturan-Peraturan Eksais (Lembaga Pelesenan) 1977.

tahun.²⁹ Selain itu, terdapat juga Peraturan-Peraturan Eksais (Membotolkan dan Memindahkan *Liquor* yang Memabukkan) 1977 dan Peraturan-Peraturan Eksais (Kawalan-Kawalan Todi dan Kadar Todi) 1977.

Pada peringkat negeri khususnya Selangor, tiada peruntukan undang-undang khusus yang mengawal penjualan arak terutamanya kepada orang Islam. Walau bagaimanapun, menurut Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), seluruh negeri di Malaysia telah mempunyai peruntukan berkaitan kesalahan meminum minuman yang memabukkan dalam Akta atau Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri masing-masing.³⁰ Peruntukan di bawah Akta atau Enakmen Jenayah Syariah ini juga merangkumi kesalahan membuat, menjual, menawarkan, mempamerkan (untuk jualan), menyimpan atau membeli apa-apa minuman yang memabukkan. Menurut seksyen 18(1) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, mana-mana orang, di mana-mana kedai atau tempat awam lain, minum apa-apa minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Menurut seksyen 18(2) Enakmen yang sama, mana-mana orang yang membuat, menjual, menawarkan untuk jualan, mempamerkan untuk jualan, menyimpan atau membeli apa-apa minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.³¹

Satu lagi peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan kawalan penjualan arak pada peringkat Negeri Selangor ialah Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1995. Enakmen ini memberikan kuasa kepada Pegawai Pelesen untuk melesen dan mengawal selia hiburan dan tempat hiburan yang beroperasi di Selangor. Walau bagaimanapun, kuasa memberikan lesen oleh Pegawai Pelesen dan tindakan penguatkuasaan terhadap premis hiburan di bawah Enakmen ini telah diturunkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada semua 12 PBT di Selangor. Premis hiburan ini pada kebiasaannya menjual dan menghidangkan arak kepada pengunjungnya. Pengusaha premis hiburan di Selangor hendaklah mematuhi kehendak lesen untuk mengadakan hiburan dan tempat hiburan yang diluluskan dan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen. Selain itu, semua PBT di Selangor mempunyai kuasa untuk

29 Peraturan 5, 6 dan 7A, Peraturan-Peraturan Eksais (Penjualan *Liquor* yang Memabukkan) 1977.

30 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Arak & Pencegahannya: Pengalaman Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kertas Kerja Persidangan Meja Bulat Arak & Pencegahannya: Pengalaman Agensi-Agenzi Berkaitan, 24 Februari 2011, Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur.

31 Seksyen 18, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

menyiasat, menangkap, menggeledah, menyita, melucut hak, mengkompaun (kadar kompaun yang boleh dikenakan adalah antara RM12,500.00 hingga RM25,000.00) dan juga mendakwa kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen ini.³²

Pada peringkat PBT di Selangor pula, tiada peruntukan undang-undang khusus di mana-mana PBT di Selangor yang mengawal penjualan arak terutamanya kepada orang Islam. Pada pandangan penulis, kuasa PBT untuk mengawal aktiviti penjualan arak terutamanya melibatkan orang Islam adalah tidak spesifik dan hanya secara tidak langsung berdasarkan peruntukan undang-undang yang bersifat umum. Secara amnya, kuasa PBT melakukan segala perkara yang perlu untuk atau yang bermanfaat kepada keselamatan, kesihatan dan kesenangan awam dinyatakan di bawah seksyen 101(1)(v) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).³³ Seksyen 102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976 pula memperuntukkan kuasa am PBT untuk membuat undang-undang kecil mengenai segala perkara yang perlu untuk memelihara kesihatan, keselamatan dan kesentosaan penduduk bagi kawasan PBT, khususnya bagi mengawal dan menyelia dengan pendaftaran, pelesenan atau selainnya, termasuk melarang sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian daripada jenis yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacau ganggu kepada orang awam.³⁴

Melalui program penyeragaman undang-undang kecil yang melibatkan seluruh PBT di Selangor yang dikendalikan oleh Seksyen PBT, Unit Perancang Ekonomi Negeri atas inisiatif Kerajaan Negeri Selangor, kesemua 12 PBT di Selangor telah menggubal secara seragam undang-undang kecil yang berikut: Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan 2007; Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 2007; dan Undang-Undang Kecil Hotel 2007. Kesemua PBT di Selangor mempunyai peruntukan undang-undang yang sama di bawah undang-undang kecil yang digubal ini. Misalnya, di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Majlis Perbandaran Kajang) 2007, permohonan lesen aktiviti perusahaan makanan tertakluk pada apa-apa syarat atau sekatan yang ditetapkan oleh PBT. Jadual kedua undang-undang kecil tersebut menyenaraikan perusahaan makanan di bawah kategori minuman keras dan beralkohol dan kadar fi lesen tahunan yang dikenakan bagi kategori tersebut adalah berbeza mengikut PBT.³⁵

Seterusnya di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007 misalnya, permohonan

32 Rujuk Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1995.

33 Seksyen 101(1)(v), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

34 Seksyen 102(s), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

35 Rujuk Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Majlis Perbandaran Kajang) 2007.

lesen apa-apa aktiviti tred, perniagaan dan perindustrian tertakluk pada apa-apa syarat atau sekatan yang ditetapkan oleh PBT. Jadual kedua undang-undang kecil tersebut menyenaraikan pasar raya, emporium, pasar mini, kedai runcit atau serbaneka dan pasar raya besar sebagai aktiviti perniagaan yang dilesenkan dan kadar fi lesen tahunan yang dikenakan bagi premis tersebut adalah berbeza mengikut PBT.³⁶ Kebanyakan premis yang disenaraikan ini ada menjual produk arak. Arak juga dijual dan dihidangkan di hotel. Contohnya di bawah Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 2007, permohonan lesen apa-apa aktiviti mengendalikan hotel adalah tertakluk pada apa-apa syarat atau sekatan yang ditetapkan oleh PBT.³⁷ Berdasarkan undang-undang kecil yang dinyatakan ini, secara tidak langsung, PBT mempunyai kuasa untuk mengenakan apa-apa syarat atau sekatan pelesenan melibatkan penjualan arak di premis yang dinyatakan di atas. Di bawah undang-undang kecil ini juga, PBT di Selangor mempunyai kuasa memasuki dan memeriksa, menggeledah, menyita, menutup, menangkap, mengkompaun kesalahan (kadar maksimum kompaun tidak melebihi RM1,000.00) dan juga mendakwa apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah undang-undang kecil tersebut (penalti maksimum atas sabitan kesalahan ialah RM2,000.00 atau penjara 1 tahun atau kedua-duanya sekali).

KUASA DAN PROSEDUR MELESENKEN PENJUALAN ARAK

Dari segi kuasa dan prosedur melesenkan penjualan arak di Selangor, terdapat beberapa badan dan agensi yang terlibat, antaranya pada peringkat Lembaga Pelesenan Daerah yang dilantik di bawah seksyen 31 Akta Eksais 1976 dan juga pada peringkat PBT sendiri. Lembaga Pelesenan Daerah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah di Pejabat Tanah dan Daerah dan dianggotai oleh Pengarah Kastam Negeri, Yang Dipertua atau Datuk Bandar PBT, Ketua Polis Daerah dan Pegawai Kesihatan Daerah.³⁸ Permohonan lesen premis menjual arak pada peringkat PBT pula dipertimbangkan dalam mesyuarat teknikal atau mesyuarat jawatankuasa yang berkaitan dan dianggotai oleh Yang Dipertua PBT, Ahli Majlis PBT, Ketua Polis Daerah, Bomba & Penyelamat, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah & Daerah dan juga Pengarah Kastam Negeri (jika melibatkan permohonan lesen menjual *liquor* yang memabukkan).

Berdasarkan maklum balas daripada pegawai PBT di Selangor yang terlibat dengan mesyuarat Lembaga Pelesenan Daerah, lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga Pelesenan Daerah berkaitan penjualan *liquor* yang memabukkan

36 Rujuk Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007.

37 Rujuk Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 2007.

38 Peraturan-Peraturan Eksais (Lembaga Pelesenan) 1977.

dengan kandungan alkohol melebihi dua peratus. *Liquor* yang memabukkan dengan paras alkohol kurang daripada 8.8 peratus dan melebihi dua peratus dikategorikan sebagai minuman ringan manakala minuman dengan paras alkohol melebihi kadar 8.8 peratus dikategorikan sebagai minuman keras. Bagi kategori lesen menjual minuman keras, pemohon perlu mengemukakan permohonan lesen kepada Lembaga Pelesenan Daerah di bawah Akta Eksais dan Peraturan-Peraturan yang berkuat kuasa. Setelah lesen diluluskan pada peringkat Lembaga Pelesenan Daerah, pemohon perlu memohon lesen aktiviti penjualan di bawah undang-undang kecil PBT yang berkaitan. Bagi kategori lesen menjual minuman ringan, permohonan lesen pada peringkat Lembaga Pelesenan Daerah tidak diperlukan berdasarkan pengecualian yang diberikan di bawah seksyen 32(1) Akta Eksais 1976. Pemohon hanya perlu mengemukakan permohonan lesen penjualan minuman ringan di bawah undang-undang kecil PBT yang berkaitan sahaja. Peranan PBT pada peringkat keanggotaan Lembaga Pelesenan Daerah dalam memberi ulasan sama ada menyokong atau tidak menyokong permohonan lesen jualan minuman keras yang dikemukakan.³⁹

Tindakan penguatkuasaan oleh PBT di Selangor terhadap premis yang menjual arak adalah di bawah Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pelesenan PBT. Tindakan penguatkuasaan di bawah enakmen atau undang-undang kecil berkaitan boleh diambil oleh PBT Selangor terhadap premis yang menjual arak atas kesalahan menjalankan aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian atau perusahaan makanan atau pusat hiburan tanpa lesen atau aktiviti yang melanggar mana-mana syarat lesen yang ditetapkan. Antara tindakan yang boleh diambil termasuklah menutup premis, menyita barang, mengkompaun kesalahan dan membatalkan lesen perniagaan. Walau bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan biasanya dijalankan secara bersepadan dengan agensi luar, seperti Pejabat Tanah dan Daerah, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Agama Islam Selangor.

KAWALAN PENJUALAN ARAK KEPADA ORANG ISLAM

Larangan penjualan arak merupakan sekatan undang-undang sivil dan undang-undang Islam yang perlu dipatuhi oleh semua PBT. Undang-undang Islam melarang keras penjualan arak kepada orang Islam oleh mana-mana individu sama ada penjual itu Muslim atau bukan Muslim. Sekatan asas dalam agama Islam ini menetapkan seseorang penjual itu boleh dikenakan hukuman oleh undang-undang jenayah Islam berdasarkan konsep takzir. Konsep takzir ini merupakan kuasa yang ada pada setiap pemerintah berlandaskan konsep maslahat. Oleh itu setiap PBT yang diamanahkan

39 Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Eksais (Lembaga Pelesenan) 1977.

boleh mengenakan peruntukan hukuman takzir ini kepada mana-mana penjual yang melanggar sekatan yang dikenakan kepada mereka berkaitan larangan menjual arak kepada orang Islam.

Merujuk peruntukan undang-undang yang diguna pakai pada peringkat PBT di Selangor, pihak PBT mempunyai kuasa secara tidak langsung untuk mengenakan apa-apa syarat atau sekatan pelesenan melibatkan premis menjual arak. Hasil maklumat yang diperoleh daripada PBT di Selangor mendapati kawalan penjualan arak terhadap premis yang dilesenkan pada peringkat PBT dilaksanakan melalui pengenaan syarat tambahan kepada pelesenan premis menjual arak. Melalui syarat tambahan yang dikenakan kepada lesen premis menjual arak oleh kebanyakan PBT di Selangor, aktiviti tersebut hanya dibenarkan beroperasi di kawasan perniagaan sahaja. Jarak premis perniagaan dengan kawasan kediaman, pusat ibadah, sekolah dan bangunan kerajaan hendaklah sekurang-kurangnya 200 meter. Premis juga tidak dibenarkan beroperasi di kawasan majoriti penduduk beragama Islam. Selain itu, peniaga dilarang menjual minuman keras kepada pelanggan yang berumur 18 tahun ke bawah dan pelanggan yang beragama Islam. Pekerja premis hendaklah berumur 21 tahun ke atas dan waktu operasi sehingga pukul 12 tengah malam. Peniaga perlu memastikan pelanggan tidak minum minuman keras di hadapan premis mereka atau di tempat terbuka.

Selain syarat tambahan pelesenan premis menjual arak yang dikenakan oleh kebanyakan PBT di Selangor, Kerajaan Negeri Selangor juga telah memperkenalkan sistem kawalan sendiri kepada semua kedai serbaneka 24 jam, stesen minyak, pasar mini dan pasar raya yang menjual minuman beralkohol sebagai satu alternatif bagi mengatasi masalah penjualan arak dalam kategori minuman ringan yang mengandungi alkohol kurang daripada 8.8 peratus. Mengikut perancangan, percubaan melaksanakan sistem kawalan sendiri ini akan dimulakan di kawasan Shah Alam. Sekiranya berjaya dilaksanakan akan diselaraskan di seluruh Selangor.⁴⁰ Melalui sistem kawalan sendiri bagi penjualan minuman ringan yang mengandungi alkohol kurang daripada 8.8 peratus ini, peniaga masih dibenarkan menjual minuman beralkohol tetapi dengan kawalan dan pemantauan sendiri terhadap pelanggan.⁴¹ Peniaga perlu menampal poster larangan menjual minuman beralkohol kepada orang Islam dan pelanggan yang berumur 18 tahun ke bawah di pintu premis atau dinding depan premis, di kaunter dan peti sejuk. Peniaga juga dikehendaki mengasingkan tempat pameran minuman beralkohol dengan minuman dan makanan lain di dalam peti sejuk atau di

40 Azian Aziz, Selangor laksana sistem kawalan sendiri jual arak, Utusan Malaysia, 7 Ogos 2009. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0807&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_09.htm (Capaian 11 Jun 2012).

41 Salhan K Ahmad, Tiada zon larangan jual arak di Selangor, Malaysiakini, 16 November 2009. <http://www.malaysiakini.com/news/117514>. (Capaian 21 Mei 2012)

rak atau di stor. Peniaga digalakkan merekodkan maklumat pembeli jika meragui status agama pembeli. Minuman beralkohol untuk jualan hendaklah diletakkan di tempat yang tersorok di premis.

Bagi premis pasar raya, peniaga perlu mengadakan kaunter bayaran berasingan bagi tujuan pelanggan membuat pembayaran untuk membeli minuman beralkohol. Untuk tujuan membantu pekerja beragama Islam yang bekerja di sektor yang melibatkan arak, Kerajaan Negeri Selangor juga telah mengumumkan peruntukan berjumlah RM10 juta bagi menyediakan peluang pekerjaan halal kepada orang Islam yang telah sedar dan ingin meninggalkan pekerjaan mereka di premis yang menjual arak. Sebuah tabung khas ditubuhkan untuk tujuan ini dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor.⁴² Kerajaan Negeri Selangor juga meningkatkan penguatkuasaan dengan melarang penjualan minuman beralkohol kepada orang Islam dan belia di bawah umur 18 tahun.⁴³

Berdasarkan syarat tambahan yang dikenakan dalam pelesenan yang tersebut di atas, diakui bahawa terdapat usaha yang dilaksanakan oleh PBT di Selangor untuk menyekat penjualan arak kepada orang Islam oleh premis menjual arak yang dilesenkan. Walau bagaimanapun, timbul beberapa persoalan berhubung syarat tambahan pelesenan premis menjual arak yang dikenakan ini terutama dari segi sekatan terhadap orang Islam yang bekerja di premis tersebut. Syarat tambahan hanya menyatakan pekerja premis hendaklah berumur 21 tahun ke atas. Tiada larangan kepada orang Islam untuk bekerja di premis yang menjual arak sedangkan perbuatan menjual arak oleh orang Islam di Selangor merupakan satu kesalahan jenayah syariah di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Selain itu, berkaitan syarat yang menetapkan peniaga perlu memastikan pelanggan tidak minum minuman keras di hadapan premis mereka atau di tempat terbuka, timbul pula persoalan, dari segi apakah kuasa yang dimiliki oleh peniaga untuk mengambil tindakan terhadap pelanggan atau orang awam yang minum minuman keras di hadapan premis mereka atau di tempat terbuka?

Tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor jelas menunjukkan terdapatnya usaha menyekat penjualan minuman beralkohol dalam kategori minuman ringan yang dijual dan mudah dibeli oleh kalangan masyarakat Islam di mana-mana kedai serbaneka 24 jam, stesen minyak, pasar mini dan pasar raya di Selangor. Namun begitu, inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor ini juga turut menimbulkan beberapa persoalan terutama dari sudut penguatkuasaan dan keberkesanannya. Sejauh manakah sistem

42 Malaysiakini, Selangor bantu orang Islam henti kerja di premis arak, 14 Januari 2011. <http://www.malaysiakini.com/news/153442>. (Capaian 21 April 2012).

43 Harakahdaily, 20 premis jual arak diambil tindakan di Selangor, 22 Mac 2012. <http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/9029-20-premis-jual-arak-diambil-tindakan-di-selangor>. (Capaian 26 April 2012).

kawalan sendiri ini benar-benar dipatuhi oleh peniaga dan sekiranya peniaga tidak mematuhi kehendak kawalan sendiri ini, apakah tindakan yang boleh diambil terhadap mereka? Adakah perlu diperuntukkan sejumlah RM10 juta untuk menyediakan peluang pekerjaan halal kepada orang Islam yang bekerja di premis menjual arak sedangkan Selangor merupakan sebuah negeri maju yang pastinya menawarkan banyak peluang pekerjaan halal di pelbagai sektor kepada rakyatnya. Masalah kewangan dan peluang kerja terhad tidak wajar dijadikan alasan oleh segelintir masyarakat Islam yang bekerja di premis membuat atau menjual arak. Usaha Kerajaan Negeri Selangor menyediakan peluang pekerjaan halal kepada orang Islam terbabit harus dipuji tetapi tertakluk pada pilihan orang Islam itu sendiri untuk tidak terlibat dengan perkara haram.

Berdasarkan maklum balas yang diperoleh, jumlah premis kedai serbaneka yang diluluskan pada tahun 2011 di kawasan Majlis Perbandaran Kajang sebanyak 65 premis 7-Eleven dan enam premis KK Mart. Hasil tinjauan yang dibuat di beberapa premis kedai serbaneka di kawasan Majlis Perbandaran Kajang mendapati di sekitar kawasan Bandar Baru Bangi dan Bandar Tun Hussien Onn, premis kedai serbaneka 7-Eleven tidak menjual minuman beralkohol. Kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk majoriti beragama Islam. Tinjauan di beberapa kedai serbaneka 7-Eleven dan KK Mart di kawasan Kajang, Bandar Sungai Long dan Semenyih pula mendapati premis ada menjual minuman beralkohol dan ada menampal pelekat tentang minuman beralkohol tetapi perkataan yang digunakan pada pelekat tidak seragam, dan majoriti premis yang dilawati pekerjanya berbangsa Melayu.

Selain usaha kawalan penjualan arak kepada orang Islam yang dilaksanakan di atas, beberapa PBT di Selangor juga cuba mengambil inisiatif bagi membendung dan menyekat aktiviti penjualan arak yang melibatkan orang Islam dengan memperkenalkan peraturan membataskan jualan arak di restoran, kedai runcit dan kedai serbaneka 24 jam di Selangor. Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah memutuskan bahawa arak tidak boleh dijual di semua kedai biasa termasuk kedai serbaneka 24 jam, restoran dan kedai runcit serta mana-mana kedai yang mudah dimasuki orang awam.⁴⁴ Walau bagaimanapun, MBSA telah diarahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menangguhkan dasar kawalan jualan arak yang diputuskan tersebut sehingga Kerajaan Negeri Selangor memutuskan kaedah pelaksanaan yang bersesuaian selepas berbincang dengan peniaga dan pemilik kedai berkaitan.⁴⁵

44 Jimadie Shah Othman, Arak: Kejayaan pertama PAS di Shah Alam, Malaysiakini, 26 November 2008. [hp://www.malaysiakini.com/news/93763](http://www.malaysiakini.com/news/93763). (Capaian 21 Jun 2012).

45 Jimadie Shah Othman, MBSA diarah tangguh kawal jualan arak, Malaysiakini, 26 November 2008. <http://m.malaysiakini.com/news/93806>. (Capaian 21 Jun 2012)

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) pula memutuskan untuk mengenakan syarat pelesenan baharu yang melarang orang Islam bekerja di tempat menyediakan minuman keras semasa meluluskan permohonan lesen perniagaan dan peniaga yang gagal mematuhiya akan dikompaun atau menghadapi kemungkinan lesen mereka ditarik balik.⁴⁶ Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor telah mengarahkan MPSJ menarik balik garis panduan yang melarang orang Islam bekerja di tempat yang menyajikan minuman keras kerana tiada undang-undang yang melarang orang Islam bekerja di premis yang menjual arak.⁴⁷ Seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor berpandangan tindakan MPSJ tersebut akan menimbulkan rasa tidak senang dalam kalangan orang ramai, khususnya masyarakat bukan Melayu dan turut menyifatkan garis panduan itu tidak praktikal.⁴⁸ Sementara itu, Majlis Perbandaran Klang (MPK) melalui ahli majlisnya pula berhasrat membentangkan usul untuk mengawal jualan arak di MPK, namun membatakan hasrat tersebut kerana tidak mahu perkara ini menjadi isu politik. Kesemua PBT di Selangor akur dengan arahan Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan semua keputusan pada peringkat PBT selari dengan keputusan pada peringkat negeri.⁴⁹

ANALISIS ISU DAN MASALAH PERUNDANGAN BERKAITAN KAWALAN PENJUALAN ARAK

Takrif Arak Kabur

Menurut Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Syariah), Jabatan Peguam Negara, istilah “arak” itu sendiri tidak ditafsirkan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang di Malaysia.⁵⁰ Menurut *Kamus Dewan*, arak sejenis minuman yang mengandungi alkohol dan memabukkan, minuman keras.⁵¹ Alkohol pula ditakrifkan sebagai cecair yang mudah terbakar

- 46 Zainul Rijal Abu Bakar, Penguatkuasaan undang-undang syariah perlu diperketat elak campur tangan pengaruh luar, Berita Harian Online, 17 Januari 2011. <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/LaranganMuslimkerjadipremisarawkajar/Article>. (Capaian 7 Mei 2012).
- 47 Bernama, Isu Arak: Hanya Garis Panduan dan Peringatan Sebagai Nasihat, Kata MB Selangor, 17 Januari 2011. http://www.bernama.com/bernama/state_news/bm/news.php?id=557308&cat=tn(Capaian 21 Jun 2012).
- 48 Leven Woon Zheng Yang, MPSJ diarah tarik larangan kerja di tempat jual arak, Malaysiakini, 13 Januari 2011, <http://www.malaysiakini.com/news/153324>. (atas talian 15 April 2012).
- 49 Jimadie Shah Othman, Ahli PAS batal usul kawal arak, Malaysiakini, 27 November 2009, <http://www.malaysiakini.com/news/93838>. (Capaian 6 April 2012).
- 50 Mahamad Naser Bin Disa, 2011, “Arak & Pencegahannya: Pengalaman Jabatan Peguam Negara”. Kertas Kerja Persidangan Meja Bulat Arak & Pencegahannya: Pengalaman Agensi-Agenzi Berkaitan, 24 Februari 2011, Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur.
- 51 *Kamus Dewan*, 2012. Edisi Empat, Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, 20 Jun 2012. <http://pprm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=arak>. (Capaian 21 Jun 2012).

dan juga memabukkan atau minuman keras.⁵² Secara saintifik, arak ialah minuman yang mengandungi alkohol dan terdapat tiga jenis arak, iaitu bir yang mengandungi alkohol antara empat hingga enam peratus, wain yang mengandungi alkohol antara sembilan hingga 16 peratus dan spirit yang mengandungi alkohol melebihi 20 peratus.⁵³ Istilah yang diguna pakai di bawah Akta Kastam 1967 dan Akta Eksais 1976 ialah “*liquor* yang memabukkan”.

Menurut seksyen 2(1) Akta Kastam 1967 takrif “*liquor* yang memabukkan” termasuklah apa-apa alkohol, atau apa-apa cecair yang mengandungi lebih daripada dua peratus spirit pruf (alkohol mutlak), yang sesuai, atau bermaksud, atau yang boleh dengan apa-apa cara diubah bagi digunakan sebagai minuman.⁵⁴ Seksyen 2(1) Akta Eksais 1976 pula memberi takrifan “alkohol”, “bir”, “*liquor* natif” dan “todi”.⁵⁵ Dari segi syarak, arak bererti segala bahan yang memabukkan berdasarkan pendapat jumhur. Oleh yang demikian, menurut pandangan Islam, biar apa-apapun panggilan atau nama yang diberikan kepada bahan yang memabukkan tersebut sama ada arak, *liquor* yang memabukkan, minuman beralkohol, minuman keras, minuman ringan beralkohol, spirit, bir, wain, todi atau sebagainya, hukumnya tetap haram, sama ada diambil sedikit ataupun banyak.⁵⁶ Perkara ini selaras dengan beberapa hadis Rasulullah dan Fatwa Kebangsaan sebagaimana yang dinyatakan.

Takrif arak yang kabur dan tidak selaras antara peruntukan undang-undang sivil dan syarak menyukarkan tindakan penguatkuasaan diambil oleh agensi penguat kuasa berkaitan termasuk PBT terhadap minuman yang mengandungi alkohol pada paras bawah dua peratus. Akta Kastam 1967 menyatakan sesuatu minuman itu ditakrifkan sebagai *liquor* yang memabukkan hanya apabila kandungannya melebihi dua peratus alkohol sedangkan mengikut syarak, arak diharamkan sama sekali tanpa mengira tahap alkohol yang terkandung dalam minuman tersebut. Oleh itu, minuman yang mengandungi tahap alkohol kurang daripada dua peratus tidak memerlukan lesen di bawah Akta Kastam 1967 atau Akta Eksais 1976 dan bebas dijual. Tindakan penguatkuasaan, seperti rampasan atau sitaan minuman yang mengandungi alkohol kurang dua peratus yang terdapat di pasaran tidak boleh dilakukan sedangkan paras alkohol minuman tersebut tidak menepati ketetapan syarak.⁵⁷

52 Kamus Dewan, 2012. Edisi Empat. Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, 20 Jun 2012. <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=alkohol>. (Capaian 21 Jun 2012)

53 Al-Taqwa, “Isu dan Permasalahan Semasa: Arak Menurut Pandangan Islam” Bil.(14) 3/2009, Disember 2009, hlm. 9, Jabatan Mufti Negeri Selangor. <http://www.muftiselangor.gov.my/E-Book/Download/KoleksiAt-Taqwa/At-Taqwa14%2032009/UTAMAATTAQWABIL1432009.pdf>. (Capaian 3 Mei 2012).

54 Seksyen 2(1), Akta Kastam 1967 (Akta 235).

55 Seksyen 2(1), Akta Eksais 1976 (Akta 176).

56 Paizah Haji Ismail, 1996. *Undang-Undang Jenayah Islam*. Dewan Pustaka Islam: Petaling Jaya, hlm. 201.

57 Nurul Anuar Kari, “Di mana penyelesaian isu arak?” dlm. *Utusan Malaysia*, 14 Jun 2011. http://utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0524&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm. (Capaian 21 Jun 2012).

Perbezaan Penetapan Kehendak Pelesenan Berdasarkan Jenis Arak

Perundangan sivil turut membezakan kehendak pelesenan berdasarkan peratusan kandungan alkohol yang terkandung dalam arak. Arak kategori bir, todi dan *liquor* natif tidak memerlukan lesen daripada Lembaga Pelesenan Daerah untuk jualan secara runcit berdasarkan peruntukan seksyen 32 Akta Eksais 1976.⁵⁸ Oleh yang demikian, arak daripada jenis yang dinyatakan tersebut di atas bebas dijual secara runcit tanpa kawalan JKDM. Paras alkohol yang terkandung dalam bir, todi dan *liquor* natif berbeza-beza dan arak kategori ini juga dikelaskan sebagai minuman ringan.

Minuman ringan beralkohol pelbagai jenama yang lazimnya dijual di kedai serbaneka 24 jam, stesen minyak, pasar mini dan pasar raya daripada jenis bir yang ditinkan atau dibotolkan, seperti stout, shandi dan segala jenis *liquor* tapaian lain yang dibuat daripada malt. Penjualan minuman ringan beralkohol ini di kedai serbaneka 24 jam, stesen minyak, pasar mini dan pasar raya hanya memerlukan lesen perniagaan daripada PBT sahaja. Kehendak pelesenan yang ditetapkan bagi penjualan minuman ringan beralkohol ini sama tarafnya dengan penjualan minuman yang tidak beralkohol, seperti Coca-Cola, sarsi dan oren.

Isu kawalan penjualan arak timbul di Selangor berkaitan dengan penjualan minuman ringan beralkohol yang bebas dijual dan dibeli di kedai serbaneka 24 jam, stesen minyak, pasar mini dan pasar raya. Perbezaan kehendak pelesenan berdasarkan jenis arak telah menyebabkan tindakan penguatkuasaan, misalnya rampasan atau sitaan tidak boleh dilakukan. Pengecualian ini juga merupakan halangan kepada PBT kerana tidak boleh mengehadkan penjualan bir dan minuman seangkatan dengannya sekiranya kedai serbaneka 24 jam, stesen minyak, pasar mini dan pasar raya menjual secara runcit.

Konflik antara Undang-undang Sivil dengan Undang-undang Syariah

Pengambilan arak tidak menjadi kesalahan dalam undang-undang sivil walaupun sampai pada tahap mabuk yang melampau sekiranya tidak mencederakan sesiapa atau ketika tidak memandu.⁵⁹ Mengikut syarak, orang Islam tidak boleh terlibat dalam apa-apa urusan berkaitan arak kerana hukumnya adalah haram dan berdosa. Di bawah Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, meminum, membuat, menjual, menawarkan atau mempamerkan untuk jualan, menyimpan atau membeli apa-apa minuman yang memabukkan merupakan satu kesalahan.⁶⁰

58 Seksyen 32, Akta Eksais 1976 (Akta 176).

59 Rujuk seksyen 44(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) berkaitan memandu semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah; seksyen 510 Kanun Keseksaan berkaitan salah laku di tempat awam oleh orang yang mabuk.

60 Seksyen 18, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

Tiada peruntukan di bawah undang-undang sivil yang menghukum orang yang menjual atau mengedarkan arak kepada orang Islam.⁶¹ Undang-undang sivil seperti Akta Eksais 1976 hanya memperuntukkan keperluan pelesenan bagi penjualan arak dengan pelbagai pengecualian, jauh sekali melarang orang Islam daripada bekerja di premis yang menjual arak. Persoalannya, bagaimakah dengan nasib pekerja beragama Islam yang bekerja di kedai serbaneka 24 jam, stesen minyak, pasar mini dan pasar raya? Hasil tinjauan penulis mendapati kebanyakan pekerja di premis ini ialah orang Islam. Mereka menanggung risiko ditangkap dan dituduh atas kesalahan yang dinyatakan di atas.

Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan pula memperuntukkan tentang hak untuk hidup (*right to life*).⁶² Ungkapan “hidup” yang terdapat dalam Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan ini merangkumi semua aspek yang merupakan sebahagian daripada kehidupan itu sendiri termasuk hak untuk mendapatkan pekerjaan dan menerima faedah daripada pekerjaan tersebut.⁶³ Timbul persoalan berkaitan kuasa PBT untuk mengenakan syarat pelesenan misalnya, syarat yang melarang orang Islam bekerja di premis menjual arak. Wujud beberapa golongan kecil yang berfahaman sekular dan liberal yang berlindung di sebalik hak kebebasan asasi apabila isu sekatan penjualan arak dan larangan orang Islam bekerja di premis menjual arak dibangkitkan.

Konflik antara Dasar Kerajaan Negeri dengan Undang-Undang Syariah

Keputusan Kerajaan Negeri Selangor yang menolak cadangan bagi memperkenalkan peraturan yang menyekat penjualan arak kepada masyarakat Islam di Selangor dan memperkenalkan sistem kawalan sendiri telah menerima pelbagai kritikan dan maklum balas. Keputusan ini dibuat sebagai alternatif kepada beberapa cadangan yang telah dikemukakan dan menghormati sensitiviti rakyat berbilang kaum dan agama. Tindakan Kerajaan Negeri Selangor yang memutuskan untuk membuat penelitian dan mendapatkan pandangan pihak berkepentingan sebelum menguatkuasakan sebarang garis panduan atau peraturan adalah berdasarkan sejarah pengharaman arak dalam Islam sendiri yang dilaksanakan pada zaman Rasulullah secara beransur-ansur bagi mengelakkan fitnah dan penolakan masyarakat terhadap larangan yang dikenakan.⁶⁴

61 Mahamad Naser Bin Disa, 2011. “Arak & Pencegahannya: Pengalaman Jabatan Peguam Negara”. Kertas Kerja Persidangan Meja Bulat Arak & Pencegahannya: Pengalaman Agensi-Agenzi Berkaitan, Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, 24 Februari 2011.

62 Perkara 5(1), Perlembagaan Persekutuan.

63 Rujuk kes Tan Tek Seng Iwn. *Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Satu Lagi*, [1996] 2 CLJ 771, 20 Jun 2012.

64 Shamsul Muda, “Isu arak: Elakkan fitnah” dlm. *Malaysiakini*, 26 Januari 2011. <http://www-random.malaysiakini.com/letters/154498>. (Capaian 21 Jun 2012).

Dari sudut sensitiviti bangsa dan agama, isu tersebut sepatutnya tidak langsung timbul kerana cadangan sekatan penjualan arak yang berleluasa di Selangor hanya peraturan membabitkan orang Islam dan tiada cubaan untuk melaksanakan undang-undang Islam terhadap bukan Islam.⁶⁵ Syarat larangan orang Islam bekerja di premis menjual arak, misalnya, yang cuba dikuatkuasakan oleh MPSJ semasa meluluskan permohonan lesen perniagaan merupakan langkah menyokong pelaksanaan Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Oleh itu, isu sensitiviti bangsa dan agama tidak wajar dijadikan alasan untuk menghalang pelaksanaan peraturan sekatan penjualan arak. Masalah kepincangan peruntukan undang-undang sedia ada merupakan alasan yang lebih tepat yang menghalang penguatkuasaan sekatan penjualan arak kepada orang Islam.

Kelemahan Undang-Undang, Penguatkuasaan dan Pematuhan

Terdapat pelbagai kelemahan dan kelomongan dalam peruntukan undang-undang sedia ada berkaitan kawalan penjualan arak. Tiada undang-undang khusus yang melarang orang Islam bekerja di premis menjual arak dan tiada hukuman terhadap penjual atau pengedar arak kepada orang Islam. Peruntukan undang-undang sedia ada hanya melibatkan tindakan kepada pesalah trafik yang memandu di bawah pengaruh alkohol, salah laku di tempat awam oleh orang yang mabuk dan kesalahan lesen perniagaan. Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 secara tidak langsung melarang orang Islam bekerja di premis menjual arak melalui peruntukan seksyen 18(2) Enakmen tersebut.⁶⁶ Namun begitu, aspek penguatkuasaan dan pematuhan amat lemah. Tiada perancangan strategik untuk mengurangkan kadar keterlibatan umat Islam dalam industri arak.⁶⁷

Statistik penguatkuasaan bagi kesalahan meminum minuman yang memabukkan di seluruh Malaysia yang bermula pada tahun 2004 hingga 2009 khususnya di Selangor menunjukkan sebanyak 19 kes pada tahun 2004 telah diambil tindakan, manakala bagi tahun 2006 sebanyak 18 kes, tahun 2007 pula sebanyak lima kes dan pada tahun 2009 sebanyak 34 kes. Tiada kes direkodkan untuk tahun 2005 dan 2008.⁶⁸ Agensi penguat kuasa yang terlibat seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menghadapi masalah

65 Jimadie Shah Othman, “PAS: Selangor hanya tunda cadangan ketatkan jualan arak” dlm. *Malaysiakini*, 5 Disember 2008. <http://www.malaysiakini.com/news/94430> (Capaian 5 Jun 2012).

66 Rujuk seksyen 18(2), Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.

67 Mahamat Naser Bin Disa, 2011. “Arak & Pencegahannya: Pengalaman Jabatan Peguam Negara”. Kertas Kerja Persidangan Meja Bulat Arak & Pencegahannya: Pengalaman Agensi-Agenzi Berkaitan, Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, 24 Februari 2011.

68 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011 “Arak & Pencegahannya: Pengalaman Jabatan Kemajuan Islam Malaysia”. Kertas Kerja Persidangan Meja Bulat Arak & Pencegahannya: Pengalaman Agensi-Agenzi Berkaitan, Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, 24 Februari 2011.

dari segi kapasiti untuk mengambil tindakan memandangkan jumlah pegawai penguat kuasa agama yang tidak ramai. Dalam keadaan gejala sosial dan budaya hedonisme⁶⁹ semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat Islam khususnya, tindakan penguatkuasaan yang berkesan dan pemantauan yang kerap perlu bagi memastikan peruntukan undang-undang sedia ada dipatuhi. Kekeliruan pemahaman orang bukan Islam terhadap cadangan membataskan penjualan arak harus ditangani dengan bijak dan berhati-hati.

CADANGAN DAN SARANAN

Berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada yang mengawal penjualan arak, dan analisis isu serta masalah perundangan berkaitan kawalan penjualan arak kepada orang Islam, seperti yang diterangkan sebelum ini, terdapat beberapa cadangan dan syor bagi mengemas kini langkah pencegahan dalam penyelesaian isu arak. Mantan Timbalan Ketua Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Datuk Prof. Dr Zaleha Kamaruddin menekankan tentang pentingnya penetapan definisi “arak” dibuat selari dengan hukum syarak supaya tidak mengelirukan umat Islam dan mengikut tuntutan syarak.⁷⁰ Akta Eksais 1976 juga perlu dipertimbangkan untuk dipinda berkaitan takrif “liquor yang memabukkan” supaya selaras dengan kehendak undang-undang syariah. Satu undang-undang khusus perlu digubal untuk melesenkan penjualan arak pada peringkat Kerajaan Negeri ataupun PBT. Undang-undang berkaitan arak yang berselerak dalam pelbagai peruntukan undang-undang sedia ada perlu disatukan dan diperkemas dalam satu undang-undang.⁷¹ Hukuman bagi semua bentuk kesalahan yang melibatkan arak juga perlu ditingkatkan sebagaimana hukuman melibatkan dadah yang sama kesannya seperti arak.

Kerajaan negeri khususnya Selangor perlu menyediakan garis panduan terperinci tentang cadangan peraturan membataskan penjualan arak kepada orang Islam untuk panduan PBT dalam melesenkan aktiviti tersebut. Kedai menjual pelbagai barang termasuk arak, misalnya kedai serbaneka 24 jam, stesen minyak, pasar mini dan pasar raya perlu menyediakan kaunter khas dan pekerja bukan Islam untuk mengendalikan urusan yang melibatkan arak. Publisiti dan kempen mengenai keburukan arak perlu ditingkatkan sama

69 “Hedonisme” bermaksud pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup. Rujuk Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Kamus Dewan Edisi Empat. <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=hedonisme> (Capaian 21 Jun 2012).

70 Nurul Amuar Kari, Di mana penyelesaian isu arak? Utusan Malaysia, 14 Jun 2011. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0614&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_05.htm (Capaian 6 Jun 2012).

71 Mahamad Naser Bin Disa, 2011. “Arak & Pencegahannya: Pengalaman Jabatan Peguam Negara” Kertas Kerja Persidangan Meja Bulat Arak & Pencegahannya: Pengalaman Agensi-Agenzi Berkaitan, Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, 24 Februari 2011.

seperti gejala dadah dan rokok. Bagi memudahkan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan, sistem pengezonan perlu diwujudkan untuk melesenkan premis menjual arak. Tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara komprehensif baik pada peringkat persekutuan, negeri maupun PBT sendiri. Larangan ketat harus dikenakan terhadap promosi arak sama ada pada papan iklan maupun aktiviti penajaan sukan. Hanya tempat khusus sahaja dilesenkan untuk menjual atau menghidangkan arak khusus kepada orang bukan Islam dan diasingkan daripada premis lain dengan ciri khusus supaya pemantauan mudah dilaksanakan.

Sumber pendapatan persekutuan, negeri dan PBT perlu diasingkan daripada hasil arak supaya tidak bercampur dengan hasil halal yang lain bagi tujuan membayar gaji dan upah pekerja Islam supaya pendapatan yang diperoleh oleh orang Islam mendapat keberkatan. Selain itu, kadar cukai dan fi lesen arak wajar dinaikkan untuk tidak menggalakkan aktiviti mengimport dan menjual arak. Individu yang menghadapi masalah kesihatan berpunca daripada ketagihan arak diwajibkan menanggung perbelanjaan perubatan sendiri sebagai pengajaran kepada orang lain.⁷² Komuniti setempat harus tegas dan berjuang untuk menegakkan hukum Islam. Peranan yang dimainkan oleh komuniti penduduk Islam di Bandar Baru Bangi dan Bandar Tun Hussien Onn wajar dijadikan contoh dalam menegakkan syiar Islam. Satu jawatankuasa pada peringkat parlimen perlu ditubuhkan untuk mengkaji segala aspek berkaitan isu arak bertujuan merangka polisi minuman keras negara, percuakan, pengilangan, pelesenan, pengiklanan, promosi, penjualan dan juga menyemak undang-undang yang berkaitan dengan arak.

Dr. Muhammad 'Ata Alsid Sidahmad, dalam bukunya *Islamic Criminal Law: The Hudud*, menggariskan beberapa panduan mengenai urusan orang bukan Islam dengan minuman memabukkan. Antaranya termasuklah orang bukan Islam hanya boleh berurusan mengenai minuman memabukkan dalam kalangan mereka sahaja dan di kedai yang dilesenkan khas untuk tujuan tersebut. Tiada hebahan atau promosi berhubung minuman memabukkan. Orang bukan Islam dilarang mengambil pekerja Islam dalam urusan yang melibatkan minuman memabukkan. Orang Islam dilarang berada dalam mana-mana majlis yang ada menghidangkan minuman memabukkan.⁷³

Pelaksanaan menyeluruh Kanun Jenayah Syariah kepada orang Islam yang meminum arak hendaklah dilakukan. Kerajaan di setiap negeri yang mempunyai peruntukan berkaitan dengan perbuatan meminum minuman keras ini perlu mengambil tindakan tegas dan lebih proaktif. Dalam

72 Mahamad Naser Bin Disa, 2011. "Arak & Pencegahannya: Pengalaman Jabatan Peguam Negara" Kertas Kerja Persidangan Meja Bulat Arak & Pencegahannya: Pengalaman Agensi-Agenzi Berkaitan, Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, 24 Februari 2011.

73 Muhammad 'Ata Alsid Sidahmad, 1995. *Islamic Criminal Law: The Hudud*. Malaysia, hlm. 355-361.

menyelesaikan kemelut moral umat Islam di Malaysia berkaitan jenayah minum arak, tindakan undang-undang yang sedia ada perlu ditingkatkan lagi. Bidang kuasa jenayah syariah berkaitan dengan meminum minuman yang memabukkan perlu diselaraskan di setiap negeri dengan memperuntukkan hukuman yang maksimum sebanyak tiga tahun penjara, denda RM5000 dan sebatan sebanyak enam kali sebatan. Jika dirasakan hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah Syariah rendah, disarankan supaya bidang kuasa jenayah syariah ini ditingkatkan sehingga setaraf dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sivil.

Setiap kerajaan negeri juga perlu mengadakan program kesedaran berkaitan dengan bahaya arak kepada seluruh lapisan masyarakat. Program kesedaran perlu bermula di rumah, dan diteruskan di sekolah, universiti dan di tempat awam agar kempen kesedaran ini dapat dijalankan secara menyeluruh. Risalah, poster, majalah dan surat khabar milik kerajaan negeri perlu disebarluaskan dalam kempen ini supaya sampai kepada golongan sasaran.

Islam memandang jenayah minum arak adalah sama bahaya dengan jenayah penagihan dadah kerana *illah* yang sama. Kedua-duanya diharamkan oleh Islam kerana sebab yang sama, iaitu memabukkan dan menghilangkan akal fikiran yang waras. Selain itu, pusat rehabilitasi juga perlu ditubuhkan bagi mereka yang ketagihan arak sama seperti pusat pemulihan dadah.

Kerjasama antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri diperlukan dalam usaha perlesenan arak di PBT. Isu ini disarankan tidak dipolitikkan antara ahli politik di negeri tersebut. Ada antara mereka tidak menyokong usaha mengurangkan lesen arak yang dikeluarkan oleh PBT. Mereka menganggap bahawa arak hak orang bukan Islam sedangkan majoriti pelanggan yang datang ialah remaja Islam. Perkara ini berlaku di taman perumahan yang didiami majoriti oleh orang Islam. Maka perlu ada kerjasama yang erat antara mereka dan tolak ansur dalam usaha mengurangkan kadar jenayah yang disebabkan masalah arak. Pihak yang menyokong supaya diperketat penjualan arak di premis terbuka pula menjadi tidak popular dalam kalangan mereka.

Selain itu, setiap PBT negara ini khususnya di Selangor yang mempunyai kuasa pengawalan dan sekatan perlu menyediakan peruntukan undang-undang yang jelas berkaitan dengan penjualan arak kepada orang Islam. Pemegang lesen yang didapati melanggar peruntukan ini perlu dikenakan hukuman yang berat sama ada lesen ditarik balik atau dikenakan hukuman penjara berasaskan konsep hukuman takzir dan maslahat kepada kepentingan masyarakat umum. Dengan cara ini, bukan peminum arak sahaja dikenakan hukuman tetapi penjual juga tidak terlepas daripada hukuman. Tindakan tegas perlu diambil terhadap kesemua mereka yang terlibat supaya isu ini tidak berlarutan sehingga tiada penghujungnya.

KESIMPULAN

Wujud usaha menguatkuaskan sekatan penjualan arak kepada orang Islam di Selangor tetapi hasilnya tidak begitu menggalakkan kerana banyak kekangan. Kekangan yang dihadapi oleh PBT dalam mengawal penjualan arak kepada orang Islam dipengaruhi oleh faktor perundungan dan halangan yang diterima semasa mengambil tindakan penguatkuasaan. Komuniti umat Islam yang kuat dilihat sebagai satu kaedah untuk memastikan hukum Islam dipelihara dalam kelompongan peruntukan undang-undang sedia ada. Cadangan pelaksanaan sesuatu undang-undang yang bercirikan Islam di Malaysia hanya akan mudah direalisasikan apabila umat Islam bersatu dan berkuasa dalam kerajaan. Umat Islam di negeri Selangor yang terlibat dengan kerjaya berkaitan dengan arak perlu insaf dan sedar. Selangor sebagai sebuah negeri yang maju mampu menawarkan peluang pekerjaan lain dalam pelbagai sektor. Mereka juga bukan berada dalam situasi darurat. Kesedaran umat Islam itu sendiri merupakan senjata paling utama dalam menangani isu arak.

Kerajaan Negeri Selangor bertindak menurut undang-undang tidak melarang penjualan minuman ringan beralkohol di kedai-kedai serbaneka 24 jam, stesen minyak, pasar mini dan pasar raya. Sebagai alternatif, pekedai diminta untuk mengamalkan sistem kawalan sendiri dalam penjualan minuman ringan beralkohol. Pendekatan kawalan sendiri penjualan arak yang diperkenalkan ini dilihat masih longgar dan gagal dipatuhi oleh pekedai secara serius, mungkin kerana kurangnya tindakan penguatkuasaan. Walau bagaimanapun, dalam Islam, arak adalah haram walau berapa banyakpun paras alkohol yang terkandung di dalamnya. Selain sistem kawalan sendiri yang diperkenalkan di Selangor, kita sebagai umat Islam juga dikehendaki mengamalkan “kawal selia kendiri” supaya tidak membeli dan memakan minum makanan dan minuman yang kita tahu tidak halal.

RUJUKAN

- Abd al-Qadir ‘Audah, 1998. *al-Tasyri’ al-Jina’i al-Islami Muqaranan bi al-Qanun al-Wadi’i*. Juzuk. Beirut: Muassah al-Risalah.
- Abdul Halim El-Muhammady, 1998. *Undang-Undang Jenayah dalam Islam dan Enakmen Negeri-Negeri*. Bandar Baru Bangi: Wadah Niaga Sdn. Bhd.
- Abdur Rahman I. Doi, 1981. *Non-Muslims Under Shari’ah (Islamic Law)*. Lahore: Kazi Publications.
- Ahmad Fathi Bahnsi, 1962. *al-Jaraim fi al-Fiqh al-Islami*. Mesir: Matbaah Saadah.
- Akta Eksais 1976 (Akta 176).

- Akta Kastam 1967 (Akta 235).
- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
- Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333).
- Al-Mawardi, terjemahan oleh Wafaa H. Wahba, 2000. *The Ordinance of Governance*. UK: Garnet Publishing.
- Al-Taqwa, 2009. "Isu dan Permasalahan Semasa: Arak Menurut Pandangan Islam". Jabatan Mufti Negeri Selangor. Bil.(14) 3/2009. Disember 2009. <http://www.muftis Selangor.gov.my/E-Book/Download/KoleksiAt-Taqwa/At-Taqwa14%2032009/UTAMAATTAQWABIL1432009.pdf>
- Anon, 2011. "Isu Arak: Hanya Garis Panduan dan Peringatan Sebagai Nasihat, Kata MB Selangor", Bernama. http://www.bernama.com/bernama/state_news/bm/news.php?id=557308&cat=tn. Capaian 17 Januari 2011.
- Anon, 2011. "Selangor Bantu Orang Islam Henti Kerja di Premis Arak" dlm. *Malaysiakini*. 14 Januari 2011. <http://www.malaysiakini.com/news/153442>
- Anon, 2012. "20 Premis Jual Arak Diambil Tindakan di Selangor" dlm. *Harakahdaily*. <http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/9029-20-premis-jual-arak-diambil-tindakan-di-Selangor>. Capaian 22 Mac 2012.
- Anon, 2011. "Malaysia Ranked World's 10th Largest Consumer of Alcohol" dlm. *The Star*. 23 May 2011. <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2011/5/23/nation/8737875&sec=nation>
- Awarullah, 1997. *The Criminal Law of Islam*. Kuala Lumpur: A.S Noordeen
- Azian Aziz, 2009. "Selangor Laksana Sistem Kawalan Sendiri Jual Arak" dlm. *Utusan Malaysia*. 7 Ogos 2009. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0807&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_09.htm
- Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 (Banci 2010), 2010. Jabatan Perangkaan Malaysia. 20 Jun 2012. http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1215%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010-updated-2972011&catid=130%3A population-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-Malaysia-2010&lang=bn
- E-Fatwa, 2012. "Alkohol Menurut Pandangan Islam". Portal Rasmi Fatwa Malaysia. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/alkohol-menurut-pandangan-islam>. Capaian 20 Jun 2012.
- E-Fatwa, 2012. "Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi dan Ubat-Ubatan". Portal Rasmi Fatwa Malaysia. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/alkohol-dalam-makanan-minuman-pewangi-dan-ubat-ubatan> Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Capaian 20 Jun 2012.

- Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1995.
- Habsah Binti Harun, 2011. "Arak & Pencegahannya: Pengalaman Jabatan Kastam Diraja Malaysia". Kertas Kerja Persidangan Meja Bulat Arak & Pencegahannya: Pengalaman Agensi-Agenzi Berkaitan. 24 Februari 2011. Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM). Kuala Lumpur.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011. "Arak & Pencegahannya: Pengalaman Jabatan Kemajuan Islam Malaysia". Kertas Kerja Persidangan Meja Bulat Arak & Pencegahannya: Pengalaman Agensi-Agenzi Berkaitan. 24 Februari 2011. Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM). Kuala Lumpur.
- Jimadie Shah Othman, 2009. "Ahli PAS Batal Usul Kawal Arak". *Malaysiakini*, <http://www.malaysiakini.com/news/93838>. Capaian 27 November 2009. .
- Jimadie Shah Othman, 2008. "Arak: Kejayaan Pertama PAS di Shah Alam" dlm. *Malaysiakini*. <http://www.malaysiakini.com/news/93763>. Capaian 26 November 2008.
- Jimadie Shah Othman, 2008. "MBSA Diarah Tangguh Kawal Jualan Arak" dlm. *Malaysiakini*. <http://www.malaysiakini.com/news/93806>. Capaian 26 November 2008.
- Jimadie Shah Othman, 2008. "PAS: Selangor Hanya Tunda Cadangan Ketatkan Jualan Arak" dlm. *Malaysiakini*. <http://www.malaysiakini.com/news/94430>. Capaian 5 Disember 2008.
- Kamus Dewan*, 2012. Edisi Empat. Pusat Rujukan Persuratan Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kanun Keseksaan (Akta 574).
- Khaidzir Ismail, 2011. "Remaja dan alkohol" dlm. *Utusan Malaysia*. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0224&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm. Capaian 24 Februari 2011.
- Leven Woon Zheng Yang, 2011. "MPSJ diarah tarik larangan kerja di tempat jual arak" dlm. *Malaysiakini*. <http://www.malaysiakini.com/news>. Capaian 13 Januari 2011.
- Mahamad Naser Bin Disa, 2011. "Arak & Pencegahannya: Pengalaman Jabatan Peguam Negara". Kertas Kerja Persidangan Meja Bulat Arak & Pencegahannya: Pengalaman Agensi-agensi Berkaitan. Institut Kemajuan Islam Malaysia (IKIM). Kuala Lumpur, 24 Februari 2011.
- Majid Abu Rukhaih, 2001. *al-Wajiz fi Ahkam al-Hudud wa al-Qisas*. Amman: Maktabah al-Aqsa.
- Mohamed S. El-Awa, 1998. *Punishment in Islamic law: a Comparative Study*. Indianapolis: American Trust Publication.
- Mohd. Shauki Abd Majid, 2010. "Kerajaan Tidak Menghalalkan Judi dan

- Arak” dlm. *Utusan Malaysia*. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=052&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm. Capaian 24 Mei 2010.
- Muhammad ‘Ata Alsid Sidahmad, 1995. *Islamic Criminal Law: The Hudud*. Malaysia.
- Mustafa al-Khin et al., 1989. *al-Fiqh al-Manhaji ‘Ala Mazhab al-Imam al-Syafie*. Jilid 8. Damsyiq: Dar al-Qalam
- Nurul Anuar Kari, 2011. “Di mana Penyelesaian Isu Arak?” dlm. *Utusan Malaysia*. http://utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0524&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm. Capaian 14 Jun 2011.
- Paizah Haji Ismail, 1996. *Undang-Undang Jenayah Islam*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.
- Peraturan-Peraturan Eksais (Lembaga Pelesenan) 1977.
- Peraturan-Peraturan Eksais (Penjualan Liquor yang Memabukkan) 1977.
- Peraturan-Peraturan Kastam 1977.
- Perlembagaan Persekutuan 1957.
- Salhan K Ahmad, 2009. “Tiada Zon Larangan Jual Arak di Selangor” dlm. *Malaysiakini*. <http://www.malaysiakini.com/news/117514>. Capaian 16 November 2009.
- Shamsul Muda, 2011. “Isu arak: Elakkan Fitnah” dlm. *Malaysiakini*. <http://www-random.malaysiakini.com/letters/154498>. Capaian 26 Januari 2011.
- Tahir Mahmood et al., 1996. *Criminal Law in Islam and the Muslim World*. Delhi: Institute of Objective Studies.
- Tan Tek Seng lwn Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Satu Lagi. [1996] 2 CLJ 771. http://www.cljlaw.com.www.ezplib.ukm.my/membersentry/judgeresult_adv.asp?CLJ_1996_2_77_1. Capaian 20 Jun 2012.
- Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 2007.
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisemen Makanan (Majlis Perbandaran Kajang) 2007.
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007.
- Zainul Rijal Abu Bakar, 2011. “Penguatkuasaan Undang-undang Syariah Perlu Diperketat Elak Campur Tangan Pengaruh Luar” dlm. *Berita Harian Online*. <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/LaranganMuslimkerjadipremisarakwajar/Article>. Capaian 17 Januari 2011.